

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 9 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15076
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang membuat pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 bagi memansuhkan articulated clerkship programme yang memberi laluan kepada individu untuk menjadi peguam tanpa mengambil ijazah undang-undang dengan sepenuh masa.

2. PN-1543-L15296
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan wujudnya keseimbangan dan kesepaduan antara penguasaan teknikal dalam kemahiran berteknologi tinggi, termasuk pemanfaatan kecerdasan buatan (AI), dengan penguasaan ilmu berkaitan nilai, adab, dan etika manusia, serta memastikan bahawa nilai dan budaya setempat tidak terabai memandangkan setakat ini tiada mekanisme kawalan AI dari segi nilai, baik nilai agama mahupun nilai sosiobudaya.

3. PN-1543-L15371
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) mekanisme pengutipan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) atau cukai lain daripada transaksi atas talian yang melibatkan penjual/portal luar negara dan berapakah jumlah yang dikutip daripada transaksi atas talian bagi dari tahun 2021 sehingga kini; dan

 - (b) apakah barangan import melalui portal luar yang dikecualikan SST dan justifikasinya.

4. PN-1543-L15446
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat menubuhkan satu Jabatan Hal Ehwal Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai jabatan tunggal yang menyelaras semua urusan berkaitan pembangunan, kebajikan, pekerjaan dan pendidikan golongan OKU, memandangkan jumlah OKU yang telah berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini melebihi 750,000 orang.
5. PN-1543-L15284
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha dan inisiatif Kerajaan bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar serta program yang dirancang untuk menarik minat mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
6. PN-1543-L15198
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan dalam memantau aktiviti pedofilia di ruang digital, termasuk media sosial dan platform permainan dalam talian (*online gaming*), yang sering digunakan oleh pelaku untuk mendekati mangsa bawah umur.
7. PN-1543-L15430
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah penguatkuasaan yang akan diambil oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi membanteras amalan tipuan bida (*bid rigging*) dalam sektor swasta yang turut menawarkan barangan dan perkhidmatan kepada rakyat serta sejauh mana kesiapsiagaan MyCC untuk memperluaskan tindakan penguatkuasaan.
8. PN-1543-L15392
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana negara akan mengukuhkan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan tempatan (R&D) agar Malaysia naik nilai rantai global dalam teknologi kritikal seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), tenaga bersih dan bioteknologi, serta bagaimana masyarakat mendapat manfaatnya.

9. PN-1543-L14887

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan hala tuju Kerajaan seterusnya dalam usaha memperkasa bidang kuasa Mahkamah Syariah di peringkat negeri susulan keputusan kes Nik Elin oleh Mahkamah Persekutuan pada Februari 2024.

10. PN-1543-L14857

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pelan pemodenan kepada aset pertahanan udara negara yang semakin usang pada waktu ini bagi memastikan tahap kesiapsiagaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di tahap tertinggi.

11. PN-1543-L14841

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi diplomatik Malaysia dalam memperkukuh kedudukan sebagai *middle power nation* di tengah-tengah ketegangan geopolitik antara kuasa besar dunia.

12. PN-1543-L15101

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah Kementerian menentukan keberkesanan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dalam mengukur tahap keharmonian sosial negara, dan apakah langkah seterusnya yang dirangka Kementerian bagi memperkukuh tahap perpaduan sebenar dalam kalangan rakyat Malaysia.

13. PN-1543-L14889

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah proaktif pihak Kementerian dalam memastikan masalah kekurangan kolej kediaman di universiti awam dapat diatasi agar semua mahasiswa yang melanjutkan pelajaran tidak berdepan masalah sewa bilik yang tinggi di luar lebih-lebih lagi anak perantau yang datang daripada negeri-negeri yang jauh seperti Sabah dan Sarawak.

14. PN-1543-L15251

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk hukuman terhadap individu atau syarikat yang menyalahgunakan subsidi bahan api BUDI MADANI RON95, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menafikan hak mereka menerima subsidi ini secara kekal selepas terbukti bersalah bagi mengelakkan mereka mengulangi kesalahan tersebut.

15. PN-1543-L14702

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan impak kehadiran pendatang tanpa izin terhadap ekonomi negara, khususnya dari aspek pasaran buruh, kadar jenayah dan tekanan terhadap kemudahan awam, serta bagaimana Kerajaan menyeimbangkan keperluan ekonomi dengan keselamatan nasional.

16. PN-1543-L15443

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah langkah menyarankan Institusi Pendidikan Tinggi untuk menjana kewangan sendiri sebagai mekanisme terbaik memandangkan banyak kemudahan seperti asrama kediaman pelajar telah diswastakan dan memberi impak signifikan kepada kenaikan kadar sewaan.

17. PN-1543-L14730

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan operasi khas yang dijalankan terhadap aktiviti judi dalam talian tidak berlesen yang semakin berleluasa di kawasan bandar dan pinggir bandar, serta tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap penyedia perkhidmatan pembayaran digital yang terlibat.

18. PN-1543-L15234

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional dan justifikasi terhadap cadangan Kerajaan mengenai pelantikan Pendakwa Raya pada masa hadapan dibuat melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) sedangkan SPKP dianggotai oleh Peguam Negara, serta jawatan Pendakwa Raya dan Peguam Negara sepatutnya setaraf selepas pengasingan dilakukan.

19. PN-1543-L15381

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sama ada bank-bank komersial dibenarkan menutup atau menamatkan akaun syarikat yang tidak terlibat dengan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) atau tidak disekat oleh mana-mana agensi penguatkuasaan, tanpa sebarang notis atau pemakluman rasmi kepada syarikat berkenaan; dan
- (b) apakah garis panduan dan perlindungan undang-undang yang wujud bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh institusi kewangan.

20. PN-1543-L15477

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kematian pelajar di dalam kawasan sekolah di bawah kelolaan Kementerian sepanjang tahun 2024 dan tahun 2025 serta apakah faktor-faktor terjadinya kematian pelajar tersebut.

21. PN-1543-L15325

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana prestasi operasi dan pelaburan Tabung Haji bagi tahun 2024 dan tahun 2025 serta bagaimana langkah Tabung Haji dalam meningkatkan agihan pulangan pelaburan selaras dengan akauntabiliti sosial yang sesuai dengan mandat para pendeposit dan juga pertumbuhan ekonomi negara.

22. PN-1543-L15363

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha rentas Kementerian dalam memastikan sekolah-sekolah menjadi tempat selamat bagi ibubapa menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan.

23. PN-1543-L14962

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan faktor utama yang menyumbang kepada kemerosotan mendadak kadar kesuburan dan kelahiran hidup, serta tindakan intervensi segera dan jangka panjang Kementerian untuk memastikan strategi yang holistik dalam menangani isu penuaan populasi dan memastikan daya tahan ekonomi negara.

24. PN-1543-L14763

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peningkatan hasil yang dijangka melalui peralihan seperti pelaksanaan *e-invoicing* dan mekanisme pematuhan cukai hingga akhir tahun 2025.

25. PN-1543-L15221

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan kursus baharu berkaitan pengurusan karbon hijau di institusi pengajian tinggi bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu menjadi perintis dalam pembangunan industri karbon hijau negara.

26. PN-1543-L15236
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada cadangan bagi menaikkan umur pencen kepada 65 tahun selaras dengan usaha Kerajaan dalam menghadapi ancaman negara menua akan diteruskan kepada semua atau dilaksanakan secara pilihan kepada penjawat awam.
27. PN-1543-L15155
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kementerian dalam mempercepat proses pengeluaran kad pengenalan kepada penduduk pedalaman Sarawak yang tiada dokumen diri dan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan tekad politik untuk membuat sasaran sifar tanpa warganegara di kalangan etnik - etnik yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
28. PN-1543-L14799
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil bagi memastikan setiap projek pembangunan di kawasan pedalaman Sabah yang diluluskan di bawah Belanjawan 2026 bernilai RM6.9 bilion dilaksanakan mengikut jadual.
29. PN-1543-L15476
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkukuh agenda akauntabiliti terhadap Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) yang menunjukkan prestasi kurang memuaskan, sama ada dari segi pengurusan atau pelaburan.
30. PN-1543-L14898
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Belanjawan 2026 menyediakan peruntukan khas bagi bantuan dana pembangunan sukan di peringkat akar umbi dan berapakah pecahannya untuk negeri Sabah dengan mengambil kira terdapat banyak potensi atlet-atlet negara dari negeri Sabah.
31. PN-1543-L14945
Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mewartakan tanah Kampung Sungai Baru sebagai tanah rizab Penempatan Pertanian Melayu (MAS) atau tanah rizab Melayu seperti yang dicadangkan oleh mantan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin baru-baru ini.

32. PN-1543-L15050

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status dan impak pelaksanaan subsidi bersasar bagi petrol, diesel dan elektrik sehingga kini serta jumlah penjimatan bagi tahun 2026 dan bagaimana penjimatan tersebut diagihkan semula kepada bantuan rakyat dan projek berimpak tinggi.

33. PN-1543-L14919

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan peruntukan Belanjawan 2026 untuk pusat penjagaan warga emas dan pelan perancangan penjagaan warga emas khususnya di Selangor.

34. PN-1543-L14996

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sebenar peruntukan pembangunan Persekutuan kepada Sabah bagi tempoh tahun 2021 hingga tahun 2024 dan adakah Kementerian bercadang akan menyemak semula mekanisme agihan agar lebih telus, seimbang dan selaras dengan semangat Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

35. PN-1543-L15310

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terkini kedudukan teks sah Perlembagaan Persekutuan dalam edisi bahasa Melayu dan apakah langkah yang diambil untuk menyegerakan kedudukan itu terlaksana.

36. PN-1543-L14933

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah langkah bagi mengukuhkan perpaduan ummah di tengah kancah perbezaan pandangan politik dan mazhab/aliran dalam negara yang semakin meruncing sejak kebelakangan ini.

37. PN-1543-L15140

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkukuh Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) sebagai Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi, termasuk peruntukan program komuniti, pembangunan modul dan kajian, kerjasama antarabangsa serta penambahbaikan fasiliti seperti galeri budaya dan makmal pedagogi.

38. PN-1543-L15176

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) mengapa hanya Check Out Memo (COM) pada tahun 2024 dan ke atas diterima untuk pengambilan pekerja gantian, sedangkan ramai pengusaha, khususnya restoran India dan nasi kandar, memiliki COM sah sejak tahun 2021 sehingga tahun 2022; dan
- (b) apakah justifikasi di sebalik sekatan ini, dan adakah Kerajaan akan menimbang penerimaan COM terdahulu demi memastikan keadilan.

39. PN-1543-L15434

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan tegas Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menggesa menamatkan segera konflik perang saudara di Sudan.

40. PN-1543-L14937

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme pemantauan bagi memastikan setiap peruntukan Belanjawan 2026 dibelanjakan secara telus dan sebaiknya oleh setiap Kementerian dan jabatan.

41. PN-1543-L14960

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak dalam ekosistem permainan dalam talian, serta nyatakan kajian atau penilaian Kerajaan mengenai potensi impak negatif permainan dalam talian terhadap kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak.

42. PN-1543-L15056

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah bilangan Hakim dalam negara memandangkan saiz populasi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan akta-akta yang semakin bertambah.

43. PN-1543-L14759

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam usaha mengurangkan bayaran faedah tahunan hutang negara dalam tempoh lima tahun akan datang memandangkan beban hutang negara kini yang sudah mencecah RM1.3 trilion dengan kos khidmat hutang tahunan sebanyak RM55.7 bilion.

44. PN-1543-L14789

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pelaksanaan rancangan menaiktaraf Pejabat Imigresen Bahagian Sarikei kepada status Pejabat Pengeluar Pasport sebagaimana yang dinyatakan dalam Perancangan Strategik Jabatan Imigresen Malaysia tahun 2024-2025, serta bilakah mesin pencetak pasport baharu dijangka akan ditempatkan di pejabat tersebut bagi mempercepatkan proses pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa.

45. PN-1543-L15299

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan dasar Kerajaan serta rancangan yang telah dan akan diambil untuk memastikan peratusan yang munasabah dalam siaran stesen-stesen media elektronik di negara ini bagi mengangkat kandungan berunsur warisan, sejarah, patriotisme, kearifan setempat, dan seni budaya negara.

46. PN-1543-L15525

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status bayaran hak 40 peratus kepada Sabah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan apakah langkah yang sedang diambil bagi memuktamadkan jumlah hasil yang perlu dibayar kepada Kerajaan Sabah.

47. PN-1543-L15282

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian dan pertimbangan Kerajaan untuk memperkenalkan semula program MyBrain2.0 khusus bagi pelajar bukan aliran sains bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada pendidikan arus perdana.

48. PN-1543-L14760
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemajuan dan pencapaian subsidi BUDI MADANI RON95 sejak dilaksanakan pada 30 September 2025 dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu-isu berbangkit daripada pelaksanaannya.
49. PN-1543-L14875
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah dan strategi Kerajaan dalam menaik taraf infrastruktur Pos Malaysia Berhad yang semakin usang serta usaha memperkukuh daya saingnya berbanding syarikat penghantaran (*kurier*) swasta.
50. PN-1543-L15495
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah menilai keberkesanan kos dan keberhasilan penyasaran subsidi petrol RON95 berbanding alternatif seperti pemulangan subsidi melalui potongan cukai pendapatan atau pemberian bantuan kewangan melalui e-wallet, serta apakah hasil kajian awal mengenai kesan terhadap golongan B40 dan M40.
51. PN-1543-L15063
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar bukan Bumiputera yang belajar dan menetap di sekolah berasrama penuh.
52. PN-1543-L14854
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
(a) berapa jumlah kerugian telah dialami oleh negara disebabkan daripada ekonomi gelap sehingga pertengahan tahun 2025; dan
(b) inisiatif drastik yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menangani masalah ekonomi gelap ini.
53. PN-1543-L15339
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan Pelan Tindakan Reformasi Institusi, khususnya melibatkan pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya, penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Parlimen 2025, serta Rang Undang-Undang Pendanaan Politik, termasuk garis masa pelaksanaan, indikator utama pencapaian, dan pihak yang bertanggungjawab bagi setiap komponen reformasi tersebut.

54. PN-1543-L15462

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah berdaftar dari tahun 2023 hingga 2025, serta apakah langkah kawal selia atau pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan pertubuhan-pertubuhan ini beroperasi secara sah, beretika dan mempunyai tahap kredibiliti yang tinggi.

55. PN-1543-L15034

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

(a) statistik penjualan bahan api RON95 di kawasan sempadan negara sebelum dan selepas pelaksanaan program BUDI MADANI RON95, termasuk penilaian Kementerian terhadap perubahan corak pembelian bahan api susulan pelaksanaan penyasaran subsidi; dan

(b) langkah tambahan penguatkuasaan yang telah atau akan dilaksanakan bagi mengekang penyeludupan, serta memastikan subsidi bahan api hanya dinikmati oleh pengguna tempatan yang layak.

56. PN-1543-L15337

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) bagaimanakah rangka kerja cukai karbon akan direka bentuk supaya berintegrasi dengan pasaran karbon Malaysia serta membolehkan perdagangan kredit di peringkat antarabangsa; dan

(b) apakah langkah Kerajaan untuk memimpin usaha penyelarasan piawaian perakaunan serta pengesahan karbon agar kredit karbon *Made-in-Malaysia* menjadi penanda aras serantau bagi kualiti dan integriti.

57. PN-1543-L14833

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menilai semula model pembiayaan universiti awam bagi mengurangkan kebergantungan terhadap dana tahunan Kerajaan dan memperkukuh autonomi institusi.

58. PN-1543-L15196

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah dan mekanisme kawal selia yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan aktiviti kutipan tabung tunai dari orang awam dijalankan secara telus, selamat dan bertanggungjawab, bagi mengelakkan disalah guna untuk tujuan penipuan, penggubahan wang haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang.

59. PN-1543-L15257

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status penambahbaikan dalam perkhidmatan awam khususnya di agensi-agensi Persekutuan di Sabah serta sejauh mana penambahbaikan ini memberi kesan positif terhadap tadbir urus dan tatakelola sumber yang menyeluruh.

60. PN-1543-L14772

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif yang dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang melanjutkan pelajaran ke pendidikan tinggi, contohnya melalui sokongan kewangan atau penyediaan kemudahan asas lain.

61. PN-1543-L15336

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana reka bentuk cukai karbon disusun oleh Kementerian agar Malaysia menjadi hab perdagangan karbon serantau dan adakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan kadar cukai permulaan lebih rendah bagi penentusahan dan pembangunan projek serta pemberian kredit cukai kepada pelaburan dalam infrastruktur CCUS dan perdagangan karbon bagi menarik kewangan hijau dan memperkukuh pasaran kredit karbon berintegriti tinggi.

62. PN-1543-L15290

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk mengawal dan membasmi pusat-pusat penipuan dalam talian (*scam*) yang ada di Malaysia terutamanya melibatkan belia dan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi yang diperdaya untuk menggunakan akaun peribadi mereka.

63. PN-1543-L14807

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melarang atau mengharamkan bermain permainan video seperti Roblox yang didapati merbahaya kepada generasi muda negara ini.

64. PN-1543-L15367

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan pembangunan Gaza pasca gencatan senjata Hamas -Israel.

65. PN-1543-L15225

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan terus mengekalkan pemberian subsidi gula memandangkan kadar penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes terus meningkat dan antara punca utamanya ialah pengambilan gula berlebihan.

66. PN-1543-L15344

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kerajaan menggalakkan penglibatan belia dalam kerja sukarelawan termasuk insentif atau sijil kemahiran yang diiktiraf industri.

67. PN-1543-L14976

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan Dasar Tahfiz Negara serta sejauh mana dasar ini telah dilaksanakan di peringkat negeri atau institusi tahfiz swasta.

68. PN-1543-L15409

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (NIIF) akan memberi keutamaan kepada insentif dan program pembinaan keupayaan bagi memperkukuh keupayaan rangkaian bekalan PKS tempatan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.30/2025) Rang Undang-undang Perbekalan 2026 – **Menyambung semula Perbincangan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.** **Bacaan Kali Yang Kedua**
[8 Disember 2025]
[Menteri Kewangan]
2. (D.R.38/2025) Rang Undang-undang Kewangan 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
4. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
5. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
6. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|-----|---------------|---|-------------------------------|
| 7. | (D.R.35/2025) | Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 8. | (D.R.34/2025) | Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |
| 9. | (D.R.36/2025) | Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Perpaduan Negara] | |
| 10. | (D.R.41/2025) | Rang Undang-undang Antibuli 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Jabatan Perdana Menteri] | |
| 11. | (D.R.40/2025) | Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Komunikasi] | |

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 12. (D.R.42/2025) | Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |
| 13. (D.R.43/2025) | Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | [Menteri Dalam Negeri] | |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis Bagi Tahun 2023 - 2024	9 Disember 2025
ST. 127	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 152	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Koko Malaysia Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 165	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) Bagi Tahun 2022	9 Disember 2025
ST. 212	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2024	9 Disember 2025
ST. 211	Laporan Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah 2024	9 Disember 2025
ST. 213	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia Bagi Tahun 2024	9 Disember 2025
ST. 215	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 216	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 217	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 218	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 219	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2023	9 Disember 2025
ST. 220	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2024	9 Disember 2025
ST. 221	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2024	9 Disember 2025
ST. 222	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2024	9 Disember 2025